



LAPORAN LIPUTAN MEDIA

KHAMIS / 7 FEBRUARI 2019

- 1. REPLIKA MESIN PADI TARIKAN BAHARU TIKAM BATU**
 - **SINAR HARIAN**

- 2. POTONG SUBSIDI BUKAN SEBAB BEKALAN IKAN KURANG**
 - **HARIAN METRO**

- 3. REPLIKA MESIN PADI JADI TARIKAN**
 - **HARIAN METRO**

- 4. HARVAST TINGKATKAN HASIL TANAMAN**
 - **BERITA HARIAN**

- 5. REAPING A GOLDEN HARVEST**
 - **THE STAR**

DISEDIAKAN OLEH :
CAWANGAN KOMUNIKASI KORPORAT
(MADA)

KERATAN AKHBAR : SINAR HARIAN

TARIKH : 7 FEBRUARI 2019

PERKARA : PERTANIAN

Sungai Petani

Replika mesin padi tarikan baharu Tikam Batu

Replika mesin padi bersaiz sebenar berlatarbelakangkan sawah padi kini menjadi tarikan terbaharu di Tikam Batu dalam usaha menggamit pelancong ke negeri yang terkenal sebagai jelapang padi ini.

Malah ada pengunjung datang jauh dari Alor Setar, Perlis dan Pulau Pinang bagi mengabadikan gambar mereka bersama replika mesin padi itu.

Ahli Parlimen Sungai Petani, Datuk Johari Abdul berkata, mercu tanda yang dibina Majlis Perbandaran Sungai Petani itu satu ciptaan di luar kotak pemikiran.

Beliau berharap setiap majlis daerah lain di seluruh Kedah dapat membina replika yang memperkenalkan identiti setempat untuk mengembangkan sektor pelancongan di negeri ini.

"Sekiranya ada peluang, binalah mercu tanda seperti ini. Saya rasa elok sebab apabila kita bergerak di Kedah, kita akan nampak simbol yang terbabit dalam industri padi itu," katanya ketika melawat replika itu, semalam.

Sementara itu,



JOHARI (tengah) bersama Raja Mohamad Hafiz (kiri) dan Akmal Hafiz merasai pengalaman berada di atas mesin padi yang menjadi replika di Tikam Batu.

pengunjung, Akmal Hafiz Ahmad Majidi, 19, berkata, dia teruja apabila dapat melihat pemandangan yang cantik dan mengabadikan kenangan.

"Perasaan saya teruja sebab di Kulim tiada benda seperti ini. Pemandangan semua elok cantik, itu yang dari jauh sanggup mai sini,"

katanya.

Sementara itu, Raja Mohamad Hafiz Raja Ibrahim, 27, memuji orang Tikam Batu yang mencari idea membina replika ini.

"Jadi jika datang ke Kedah wajib datang ke sini untuk melihat monumen yang cantik dan bergambar sebagai kenangan," katanya.

KERATAN AKHBAR : HARIAN METRO

TARIKH : 7 FEBRUARI 2019

PERKARA : PERTANIAN

Potong subsidi bukan sebab bekalan ikan kurang

Kuala Lumpur: Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) menyangkal dakwaan bekalan ikan berkurangan akibat pemotongan subsidi minyak sebaliknya ia disebabkan



**MUHAMMAD
Faiz**

musim tengkujuh bagi sesetengah kawasan terutama pantai timur dan musim perayaan Tahun Baharu Cina.

Pengerusinya Muhammad Faiz Fadzil berkata, walaupun kerajaan berdepan kekangan kewangan, namun subsidi minyak kepada nelayan diteruskan.

Beliau berkata, mulai Januari lalu, Kementerian Kewangan memutuskan pemberian subsidi minyak dikurangkan daripada 80 juta liter sebulan kepada 60 juta liter, bermakna ada pengurangan 25 peratus daripada tahun lalu.

"Pengurangan ini ha-

nya untuk minyak bersubsidi. Namun nelayan masih boleh turun ke laut menggunakan minyak komersial dengan harga sedikit mahal.

"Namun, pengurangan subsidi diesel ini bukan alasan tunggal nelayan tidak turun ke laut kerana mereka boleh membeli tambahan diesel pada harga biasa.

"Nelayan yang menggunakan enjin sangkut masih boleh terus menikmati subsidi petrol seperti biasa.

"LKIM berpendapat kekurangan aktiviti tangkapan ikan disebabkan musim tengkujuh bagi sesetengah kawasan terutama pantai timur dan musim perayaan Tahun Baharu Cina," katanya di sini, semalam.

Muhammad Faiz yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Permatang Pasir berkata, LKIM yakin aktiviti tangkapan ikan kembali ran-

cak selepas musim perayaan berakhir.

"Harga minyak diesel industri minggu ini RM2.18 seliter manakala harga minyak subsidi diesel untuk nelayan ialah RM1.65 seliter."

"Ini bermakna kerajaan menanggung subsidi diesel 43 sen seliter," katanya.

Menurutnya, pemberian subsidi diesel itu diharap meringankan beban kewangan golongan nelayan.

"LKIM juga menafikan dakwaan LKIM mengurangkan kuota subsidi diesel pada kawasan tertentu sepanjang tahun lalu.

"Apa yang berlaku adalah pengagihan kuota minyak bersubsidi bergantung kepada jumlah vesel atau bot di sesuatu kawasan. Jika ada perpindahan vesel atau bot ke kawasan lain, pengagihan kuota diesel bagi kawasan itu berubah," katanya.

HM 7/2/19

KERATAN AKHBAR : HARIAN METRO

TARIKH : 7 FEBRUARI 2019

PERKARA : PERTANIAN

Replika mesin padi jadi tarikan

Tonjol identiti ekonomi rakyat Kedah

SITI ZUBAIDAH ZAKARAYA

SUNGAI PETANI

Jalan Persekutuan Alor Setar-Butterworth, berdekatan Jambatan Merdeka, Tikam Batu di sini, tiba-tiba sahaja dipenuhi orang awam selepas sebuah replika mesin padi berwarna hijau kuning dipamerkan sebagai mercu tanda ikonik rakyat Kedah.

Nor Asiah Jamaludin, 45, berkata, dia secara kebetulan melalui kawasan itu turut memberhentikan kenderaan setelah ternampak replika tersebut yang menjadi perhatian ramai termasuk merakam gambar kenangan.

Menurutnya, ini kali per-

tama dia bersama suami dan anak-anak melihat replika terbabit di samping berpeluang merasai pengalaman berada atas jentera itu kerana sebelum ini anak-anaknya hanya melihat dari jauh.

"Ia satu peluang yang baik tambahan pula boleh dijadikan tarikan pengunjung ke Tikam Batu ataupun daerah Kuala Muda," katanya.

Muslim Abdullah, 39, berkata, sebagai orang Kedah, dia berbangga apabila melihat jentera penuai dipamerkan di lokasi tumpuan selain mengimbau kepayahan bapanya mengerjakan sawah padi menyara keluarga.

Menurutnya, replika berkenaan bukan sahaja melambangkan Kedah sebagai negeri Jelapang Padi sekali gus membuktikan kepayahan generasi terdahulu menghasilkan makanan ruji rakyat Malaysia.

"Sekarang sudah banyak teknologi digunakan dalam



Johari (duduk) mengambil kesempatan bergambar bersama pengunjung, Raja Mohamad Hafiz Raja Ibrahim, 27, dan Akmal Hafiz Ahmad Majidi, 19, di atas replika mesin padi.

penghasilan padi dan mesin ini antara jentera paling penting untuk proses menuai padi.

"Kalau tak ditunjukkan kepada anak-anak kita sekarang, boleh jadi mesin ini pun mereka tak kenai lagi pada masa akan datang," katanya.

Sementara itu, Ahli Parlimen Sungai Petani, Datuk Johari Abdul yang berkesempatan melawat replika berkenaan mengakui, mercu tanda yang dibina Majlis Perbandaran Sungai Petani itu merupakan satu idea luar biasa.

"Ini sudah pasti menjadi

tarikan penduduk setempat dan pengunjung luar yang melalui kawasan ini untuk singgah dan bergambar.

"Selain mencantikkan persekitaran di samping pemandangan berlatarbelakangkan sawah padi, ia seolah-olah satu pengalaman

info

Replika berkenaan turut menjadi mercu tanda sempadan negeri Kedah-Pulau Pinang

berharga yang sukar untuk diperolehi di tempat-tempat lain," katanya.

Menurut beliau, tidak hanya menggamit pengunjung untuk melawat lokasi terbabit, tetapi ia juga telah meningkatkan ekonomi penduduk setempat yang berniaga secara kecil-kecilan di situ.

Katanya, mercu tanda berkenaan diharapkan dapat menonjolkan identiti rakyat Kedah sekali gus merancakkan sektor pelancongan di negeri ini.

"Saya amat menyokong sekiranya ada majlis daerah lain bina mercu tanda macam ni bila kita masuk setiap daerah," katanya.

HM 7/2/19.

KERATAN AKHBAR : BERITA HARIAN

TARIKH : 7 FEBRUARI 2019

PERKARA : PERTANIAN

KHAMIS, 7 Februari 2019 BIL. 470 BH

VARSI
BERITA
bhvarsiti@upm.edu.my

inovasi

HARVAST tingkatkan hasil tanaman

info

HARVAST

→ Carbon Dots menggunakan arang-bio yang dihancurkan dan dimasukkan ke dalam air serta dididihkan pada suhu antara 200 hingga 300 darjah Celsius.

→ Bantu hasil tanaman jadi lebih baik, penggunaan air lebih efisien, mengurangkan penggunaan cahaya ketika fotosintesis dan menggunakan teknologi hijau

➔ Kajian terhadap penggalak fotosintesis dijalankan sejak 2015

Oleh Nor Azma Laila
norazma@bh.com.my

► Kuala Lumpur

Penyelidik Universiti Putra Malaysia (UPM) berjaya menghasilkan produk inovasi dikenali sebagai penggalak fotosintesis menggunakan teknologi Carbon Dots (titik karbon) yang boleh meningkatkan hasil tuaian tanaman hingga 30 peratus.

Melalui inovasi itu, kadar fotosintesis mampu meningkat antara 20 hingga 80 peratus bergantung kepada jenis tanaman, manakala kos penghasilan Carbon Dots pula kira-kira 90 peratus lebih rendah berbanding kaedah konvensional.

Ketua penyelidik, Prof Madya Dr Suraya Abdul Rashid, berkata produk yang diberi nama HARVAST itu menggunakan Carbon Dots yang mempunyai saiz zarah kurang daripada 10 nanometer (nm).

"Apabila HARVAST yang dalam bentuk cecair ini disemur pada daun, saiz zarah Carbon Dots yang sangat kecil membolehkannya memasuki daun sehingga ke kloroplas.

Teknologi masa depan

"Fungsi Carbon Dots membantu dalam proses pertukaran elektron ketika proses fotosintesis, yang secara langsung dapat meningkatkan kadar fotosintesis pokok dengan mendadak," katanya.

Kajian terhadap penggalak fotosintesis itu mula dijalankan pada 2015 dan sudah diuji ke atas sayur-sayuran, cili dan pokok padi di Fakulti Pertanian UPM.

Pada 2016, teknologi itu berjaya dipatenkan dan kini usaha membangunkan lagi produk inovasi berkenaan sedang dijalankan melalui program InnoHub, Putra Science Park, UPM.

Suraya yang juga Ketua Laboratori Makmal Pemrosesan dan Teknologi Bahan, Institut Teknologi Maju (ITMA) UPM berkata, produk inovasi itu adalah satu bentuk teknologi pertanian masa depan.

Pertanian tertutup

Berikutan itu, pertanian tertutup dapat dilakukan kerana proses fotosintesis boleh berlaku dalam keadaan cahaya yang malap seperti di dalam rumah dengan menggunakan lampu biasa.

"HARVAST boleh digunakan untuk semua jenis tumbuhan kecuali pokok yang dikategorikan sebagai C4 iaitu jagung dan tebu kerana cara fotosintesis pokok berkenaan berbeza daripada pokok C3 seperti sayur-sayuran dan buah-buahan termasuk durian.

"HARVAST hanya perlu disemur pada daun tumbuhan seminggu atau dua minggu sekali bergantung kepada jenis pokok dan kaedah penghasilannya yang tidak menggunakan sebarang bahan kimia berbahaya, maka hasil tanaman selamat dimakan," katanya.

Produk inovasi HARVAST pernah memenangi pingat emas pada Pameran Reka Cipta Penyelidikan dan Inovasi (PRPI) 2016, perak pada International Invention, Innovation and Technology Exhibition (ITEX) 2017 dan gangsa pada Persidangan dan Ekspo Antarabangsa Ciptaan Institusi Pengajian Tinggi (PECIPTA) 2017.

Suraya menunjukkan HARVAST dalam bentuk cecair dan yang sudah dibotolkan, dan pingat yang dimenangi oleh produk inovasi berkenaan.

Kumpulan penyelidik menyemur HARVAST pada daun tanaman.



Reaping a golden harvest

Deputy Minister: Entrepreneurs can earn lucrative income from My Best Buy bazaars

By LIEW JIA XIAN
jiaxian@thestar.com.my

A VENDOR can earn up to RM8,000 a month through sales made at the My Best Buy bazaar.

Deputy Agriculture and Agro-based Industries Minister Sim Tze Tzin said the Federal Agricultural Marketing Authority (Fama) has been organising My Best Buy bazaars from 2014 to 2018 in 469 areas throughout the country.

He added that 724 entrepreneurs nationwide had participated in the bazaar which recorded RM1.9mil in sales.

"I understand from the vendors that through such events, they can record a monthly sale of RM15,000 and the profits generated is about RM7,000 to RM8,000.

"As for small businesses, the monthly sale can go up to RM8,000 with profits of between RM2,500 and RM3,000," said Sim, who is also Bayan Baru MP.

He also said that Fama would hold such bazaars in 180 new areas this year and hope this will generate a total sales of up to RM16mil.

"In the near future, there will be such bazaars in six new areas here. Four of them have been approved while two others are still in progress," he said.

Sim also said that the government is currently focusing on the 3Ps — *Pembungkusan, Penglabelan dan Pengedaran* (Packaging, Labelling and Grading) so that



A shopper buying pineapple (ong lai) from a stall at the Gong Xi Fa Cai My Best Buy bazaar @ Jalan Rajawali in Sungai Ara, Bayan Lepas.

consumers could clearly see the labels of the items bought, understand the price and source of the items so that they would not be cheated.

"As for packaging, we hope that with the help of Fama, some home-based businesses can upgrade their packaging to have the opportunity to export their products overseas," he told a press conference after launching the Gong Xi Fa Cai My

Best Buy bazaar @ Jalan Rajawali in Sungai Ara, Penang, recently.

He added that those who were interested in starting small and medium scale business, could contact Fama for help.

Sim said in conjunction with the festive season, Fama organised the "Gong Xi Fa Cai My Best Buy" bazaars in 748 areas nationwide, including 18 agro bazaars in Penang between Jan 31 and Feb 4.

"All participating vendors are exempted from rental or any other charges. And, the fish and vegetables sold are shipped directly from Batu Maung and farms nearby," he said.

He said the products were sold at 5% to 20% below market price. "We hope through such activities, the burden of the people can be lessened.

Sim also urged the people not to



The products sold at the My Best Buy bazaars are between 5% and 20% below market price, says Sim.

waste food especially during the festive season.

"The situation of food waste in our country is very serious and it has become a habit.

"Chinese restaurants usually serve up to eight dishes for a course dinner, but a lot of times, people are already full at the fourth dish.

"If we continue to waste food, it does not only damage the environment, but it is also a disrespect to the farmers and fishermen," Sim said.

Also present were Bayan Lepas assemblyman Azrul Mahathir, Fama chairman Ishak Ismail and Fama director-general Datuk Ahmad Ishak.